

DRAF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

# PENDIDIKAN MUZIK

## TAHUN EMPAT



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

**PENDIDIKAN MUZIK  
TAHUN EMPAT**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.



## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KANDUNGAN

<b>RUKUN NEGARA</b>	<b>iii</b>
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>	<b>iv</b>
<b>KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK</b>	<b>1</b>
<b>MATLAMAT</b>	<b>1</b>
<b>OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH</b>	<b>2</b>
<b>FOKUS MATA PELAJARAN</b>	<b>2</b>
<b>ORGANISASI KANDUNGAN</b>	<b>3</b>
<b>PENTAKSIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN</b>	<b>4</b>
<b>KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK TAHUN EMPAT</b>	
<b>Objektif Pendidikan Muzik Tahun Empat</b>	<b>13</b>
<b>Modul 1 : Pengalaman Muzikal</b>	<b>14</b>
<b>Modul 2 : Penghasilan Muzik</b>	<b>21</b>
<b>Modul 3 : Apresiasi Muzik</b>	<b>22</b>
<b>Modul 4 : Membaca Dan Menulis Notasi Muzik</b>	<b>23</b>
<b>Glosari</b>	<b>29</b>





## **KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK**

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap Dua merupakan program pembelajaran untuk tiga tahun persekolahan iaitu dari Tahun Empat hingga Tahun Enam di sekolah rendah. Kurikulum ini merupakan kesinambungan program pembelajaran Dunia Muzik Tahap Satu (Tahun Satu hingga Tahun Tiga). Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap Dua memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Murid diberi pelbagai peluang untuk meluahkan idea kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Pada tahap ini juga, murid berpeluang untuk mempelajari pembacaan dan penulisan notasi muzik secara konvensional seterusnya mempraktikkan kemahiran tersebut menerusi permainan alat muzik. Bagi mencapai tujuan yang dihasratkan, kurikulum ini dibina dengan memberi tumpuan kepada empat modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik, dan Membaca dan Menulis Notasi Muzik.

## **MATLAMAT**

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk melahirkan insan kreatif yang berpengetahuan serta dapat menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzik.

## **OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH**

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. mengaplikasi pengetahuan muzik menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik,
- ii. mengaplikasi pengetahuan membaca notasi muzik dalam aktiviti muzik,
- iii. menghasilkan idea muzik kreatif menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik,
- iv. membaca dan menulis notasi muzik,
- v. menghargai pelbagai jenis muzik dengan menyatakan secara lisan daripada aspek muzikal karya muzik yang didengar; dan
- vi. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

## **FOKUS MATA PELAJARAN**

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah dibina berasaskan **EMPAT** modul kurikulum dengan peratus pengagihan kandungan seperti berikut;

### **Modul Pengalaman Muzikal (60%)**

Murid memperoleh pengalaman muzikal menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik. Murid berpeluang untuk memainkan rekorder sebagai alat muzik berpici.

### **Modul Penghasilan Muzik (20%)**

Murid menzahirkan idea kreatif melalui aktiviti muzik yang dialami semasa pengajaran dan pembelajaran.

### **Modul Apresiasi Muzik (10%)**

Murid menghayati dan menghargai pelbagai jenis muzik menerusi pendedahan kepada muzik daripada pelbagai budaya.

## Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik (10%)

Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran asas membaca dan menulis notasi muzik dalam permainan alat muzik.

## ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen ini disusun berasaskan **EMPAT** modul kurikulum seperti berikut:

- i. Pengalaman Muzikal
- ii. Penghasilan Muzik
- iii. Apresiasi Muzik
- iv. Membaca dan Menulis Notasi Muzik

Susunan modul kurikulum ini tidak mengikut hirarki tetap. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan kandungan kurikulum diorganisasikan. Guru boleh memulakan pengajaran tanpa terikat dengan susunan modul. Guru juga boleh menggabung jalin kandungan antara modul. Setiap modul kurikulum di bina berasakan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

### Standard Kandungan

Standard Kandungan merujuk kepada ilmu pengetahuan yang perlu dipelajari oleh murid. Setiap pernyataan di dalam Standard Kandungan merupakan perkara spesifik yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan.

## Standard Pembelajaran

Standard Pembelajaran merujuk kepada kemahiran yang perlu dikuasai murid bagi satu tahun persekolahan. Setiap pernyataan di dalam Standard Pembelajaran merupakan satu penetapan kriteria kualiti pembelajaran yang dihasratkan dan boleh diukur.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Kurikulum Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekankan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengapikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti Jadual 1.

KBAT	Penerangan
<b>Mengapikasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara</li> </ul>
<b>Menganalisis</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan</li> </ul>
<b>Menilai</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi</li> </ul>
<b>Mencipta</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif</li> </ul>

Jadual 1: Penerangan KBAT

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir.

## PENTAKSIRAN

Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya melalui aktiviti pentaksiran. Pencapaian murid ditaksir untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar. Perkara ini memerlukan aktiviti pentaksiran yang dilakukan semasa atau di penghujung aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Petunjuk pencapaian murid haruslah dengan *evidens* yang dapat menyatakan tahap pencapaian mereka. Tahap pencapaian ini mestilah dinyatakan dengan jelas dan menjadi landasan yang kukuh kepada guru untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran pada tahap yang lebih tinggi.

*Evidens* tidak semestinya dalam bentuk penulisan murid. Aktiviti amali yang menunjukkan murid telah mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan juga boleh diterima. Sebagai contoh, untuk menilai keupayaan murid memahami konsep tempo cepat dan lambat atau pic tinggi dan rendah. Guru boleh mentaksir pemahaman elemen tersebut secara pemerhatian semasa murid melakukan pergerakan ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Apa yang penting, semua pemerhatian guru terhadap aktiviti murid perlu direkodkan dalam borang pemerhatian atau senarai semak. Oleh yang demikian, guru hendaklah merancang dengan teliti

kaedah yang sesuai untuk mentaksir murid bagi memastikan pentaksiran yang relevan dan menepati tujuan.

### Standard Prestasi

Standard Prestasi merupakan skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang ditetapkan.

Standard Prestasi mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang disusun secara hirarki di mana Tahap Penguasaan 1 menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Setiap pernyataan Tahap Penguasaan ditafsirkan secara generik sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid. Tafsiran umum pernyataan Tahap Penguasaan tersebut adalah seperti di Jadual 2.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekak dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

Jadual 2 : Tafsiran Umum Standard Prestasi

## Standard Prestasi Pendidikan Muzik

Standard Prestasi Pendidikan Muzik dirangka berdasarkan standard prestasi umum seperti di Jadual 2. Standard Prestasi ini diwujudkan sebagai instrumen rujukan guru bagi menentukan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik. Untuk menambahkan kefahaman guru, penerangan tentang Tahap Penguasaan 1 hingga 6 dijemakan dalam tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Berdasarkan domain tersebut, guru akan lebih memahami kandungan kurikulum dan memastikan tiada domain yang terabai dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya Standard Prestasi Pendidikan Muzik ini, diharapkan guru dapat mentafsir murid dengan penuh yakin, tepat dan berintegriti demi kemajuan dan perkembangan murid dalam melahirkan insan yang seimbang.

## Standard Prestasi Pendidikan Muzik

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Melakukan aktiviti meniru/ mengajuk. (Modul Penghasilan Muzik)</li><li>- Mengetahui muzik yang didengar. (Modul Muzik Apresiasi)</li><li>- Mengetahui notasi muzik. (Modul Membaca dan menulis notasi muzik)</li></ul> <p><b>Psikomotor</b> (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik dengan cara mengajuk. (Modul Pengalaman Muzikal)</li><li>- Melakukan pergerakan dengan cara meniru. (Modul Pengalaman Muzikal)</li></ul> <p><b>Afektif</b> (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.</li></ul>
2	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengetahui dan memahami elemen muzik. (Modul Penghasilan Muzik)</li><li>- Mengetahui dan memahami muzik yang didengar. (Modul Muzik Apresiasi)</li><li>- Mengetahui dan memahami notasi muzik. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik)</li></ul> <p><b>Psikomotor</b> (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik. (Modul Pengalaman Muzikal)</li><li>- Melakukan pergerakan berdasarkan elemen muzik. (Modul Pengalaman Muzikal)</li></ul> <p><b>Afektif</b> (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.</li></ul>



TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan muzik dengan mengaplikasikan elemen muzik. (Modul Penghasilan Muzik)</li> <li>- Mengetahui, memahami dan menyatakan ciri muzik yang didengar. (Modul Muzik Apresiasi)</li> <li>- Mengetahui, memahami dan menulis semula notasi muzik pada baluk. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik)</li> </ul> <p><b>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik dengan mempraktikkan elemen muzik. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> <li>- Melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> </ul> <p><b>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.</li> </ul>
4	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk menghasilkan muzik. (Modul Penghasilan Muzik)</li> <li>- Membicarakan muzik yang didengar atau ditonton dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik. (Modul Muzik Apresiasi)</li> <li>- Menulis notasi muzik pada baluk. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik)</li> </ul> <p><b>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik dengan mempraktikkan elemen muzik dengan betul. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> <li>- Melakukan pergerakan mengikut tema berdasarkan muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> </ul> <p><b>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.</li> </ul>

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengimprovisasikan idea muzik untuk menghasilkan karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik)</li> <li>- Membicarakan muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik. (Modul Muzik Apresiasi)</li> <li>- Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik)</li> </ul> <p><b>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik/ dengan mengaplikasikan elemen muzik secara konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> <li>- Membuat interpretasi melalui pergerakan terhadap muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> </ul> <p><b>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.</li> </ul>
6	<p><b>Kognitif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mencipta karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik)</li> <li>- Membuat penilaian muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk mengenal pasti identiti utama muzik tersebut. (Modul Muzik Apresiasi)</li> <li>- Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat secara konsisten. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik)</li> </ul> <p><b>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bernyanyi/ Bermain alat muzik dengan mengaplikasikan elemen muzik secara ekspresif dan konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> <li>- Merancang dan melakukan pergerakan kreatif dari muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal)</li> </ul> <p><b>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.</li> </ul>

**KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK  
TAHUN EMPAT**



## OBJEKTIF PENDIDIKAN MUZIK TAHUN EMPAT

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahun Empat bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut;

- i. menyanyikan lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic, sebutan dan artikulasi yang betul mengikut tempo.
- ii. memainkan alat perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan skor mengikut tempo,
- iii. melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar,
- iv. memainkan rekorder dengan teknik yang betul berdasarkan skor,
- v. menghasilkan idea muzik menggunakan vokal dan alat perkusi,
- vi. mengenal pasti pelbagai muzik yang didengar,
- vii. menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter; dan
- viii. mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzik.

## MODUL 1 : PENGALAMAN MUZIKAL (60%)

Murid menyanyikan lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic sebutan dan artikulasi yang betul mengikut tempo.

Murid memainkan perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan skor mengikut tempo.

Murid melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar.

Murid memainkan rekorder dengan teknik yang betul berdasarkan skor mengikut tempo.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
1.1 Menyanyikan lagu daripada pelbagai repertoir.	1.1.1 Bernyanyi dengan pic yang betul. - kawalan not pendek  1.1.2 Bernyanyi lagu pusingan.  1.1.3 Bernyanyi solfa do, re, mi, fa, so. - menyanyi solfa dalam pelbagai corak irama	Bernyanyi dengan cara mengajuk pic.	Bernyanyi dengan pic dan sebutan yang betul.	Bernyanyi dengan pic, artikulasi dan dinamik.	Bernyanyi dengan pic, artikulasi, dinamik yang betul.	Bernyanyi dengan pic, artikulasi, dinamik yang betul secara konsisten.	Bernyanyi dengan pic, artikulasi, dinamik yang betul secara ekspresif dan konsisten.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
	<p>1.1.4 Mengaplikasi <b>legato</b> dan <b>staccato</b> dalam nyanyian.</p> <p>1.1.5 Bernyanyi dengan dinamik.  - lembut (<b>p</b>)  - kuat (<b>f</b>)  - sederhana kuat (<b>mf</b>)</p> <p>1.1.6 Bernyanyi dengan sebutan yang betul.</p>						

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
1.2 Memainkan alat perkusi	<p>1.2.1 Memainkan corak irama berdasarkan skor.</p> <p style="padding-left: 40px;">- meter    <b>2 3 4</b>                  <b>4 4 4</b></p> <p>1.2.2 Memainkan alat perkusi dalam pelbagai tempo.</p> <p>1.2.3 Memainkan alat perkusi dengan dinamik berdasarkan skor.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lembut (<i>p</i>)</li> <li>- kuat (<i>f</i>)</li> <li>- sederhana kuat (<i>mf</i>)</li> </ul>	Memainkan alat perkusi dengan cara mengajuk corak irama dan dinamik.	Memainkan alat perkusi dengan corak irama dan dinamik mengikut tempo.	Memainkan alat perkusi dengan corak irama dan dinamik mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan alat perkusi dengan corak irama dan dinamik yang betul mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan alat perkusi dengan corak irama dan dinamik yang betul mengikut tempo berdasarkan skor secara konsisten.	Memainkan alat perkusi dengan corak irama dan dinamik yang betul mengikut tempo berdasarkan skor secara ekspresif dan konsisten.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
1.3 Bergerak mengikuti muzik.	<p>1.3.1 Membuat pergerakan berdasarkan muzik yang didengar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- ekspresi diri</li> <li>- melodi</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bergerak berdasarkan situasi, tema atau puisi</li> </ul>	Meniru pergerakan berdasarkan melodi.	Melakukan pergerakan yang ditetapkan berdasarkan melodi.	Melakukan pergerakan yang ditetapkan berdasarkan melodi dan ekspresi diri.	Melakukan pergerakan mengikuti tema yang diberi berdasarkan melodi dan ekspresi diri.	Membuat interpretasi dan ekspresi diri melalui pergerakan terhadap muzik yang didengar.	Merancang pergerakan kreatif dari muzik yang didengar dan melakukan pergerakan secara ekspresif.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
1.4 Memainkan rekorder secara ensembel.	1.4.1 Memainkan not G , A , B , D' dan C' dengan ton yang baik.  <b>G A B C' D'</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memainkan not</li> <li></li> <li>- penjarian not G , A , B , C' dan D'</li> <li>- pernafasan</li> <li>- perlidahan (dengan sebutan tu)</li> <li>- <i>embouchure</i></li> <li>- postur</li> </ul>	Memainkan rekorder dengan cara meniru teknik permainan rekoder.	Memainkan rekoder dengan penjarian dan perlidahan yang betul.	Memainkan frasa lagu mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan melodi atau melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan melodi dan melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo berdasarkan skor.	Memainkan melodi dan melodi kaunter dengan ton yang baik mengikut tempo secara ekspresif berdasarkan skor.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
	<p>1.4.2 Memainkan rekorder berdasarkan skor.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- memainkan frasa lagu</li> <li>- memainkan melodi kaunter</li> <li>- memainkan melodi</li> </ul> <p>1.4.3 Memainkan rekorder mengikut tempo.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cepat</li> <li>- lambat</li> </ul> <p>1.4.4 Mengaplikasikan dinamik dalam permainan rekoder</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- lembut (<i>p</i>)</li> <li>- kuat (<i>f</i>)</li> </ul>						

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUSAAN					
		1	2	3	4	5	6
1.5 Menghayati nilai murni menerusi aktiviti muzikal.	1.5.1 Mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.	Menerima nilai murni dalam aktiviti muzik.	Menerima nilai murni dan mempamerkan dalam aktiviti muzik.	Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.	Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik serta menjadi contoh dan boleh menunjuk cara kepada rakan yang lain.

## MODUL 2 : PENGHASILAN MUZIK (20%)

Murid menghasilkan idea muzikal menggunakan vokal dan perkusi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
2.1 Menghasilkan idea muzikal kreatif.	2.1.1 Menghasilkan kesan bunyi menggunakan perkusi. 2.1.2 Mencipta corak irama mudah. 2.1.3 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah. - mengajuk melodi - mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan	Mengajuk corak irama dan melodi yang didengar.	Mengenal pasti kesan bunyi yang didengar.	Mengaplikasikan pengetahuan muzik yang sesuai untuk menghasilkan kesan bunyi.	Mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk menghasilkan kesan bunyi berdasarkan situasi yang diberi.	Mengimprovisasi idea muzik yang diberi untuk menghasilkan karya muzik.	Mencipta karya muzik untuk mengiringi persembahan





### MODUL 3 : APRESIASI MUZIK (10%)




























Murid mengenal pasti pelbagai muzik yang didengar.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
<p>3.1 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoir.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Muzik Popular</li> <li>- Muzik Tradisional Malaysia</li> <li>- Muzik Klasik Barat</li> <li>- Muzik Asia</li> </ul>	<p>3.1.1 Mengenal pasti muzik yang didengar.</p> <p>Ciri muzik:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Alat Muzik (contoh: alat bertali, tiupan)</li> <li>- Cara Persembahan</li> </ul>	Mengecam muzik yang didengar atau ditonton.	Menyatakan cara persembahan muzik yang didengar atau ditonton.	Mengenal pasti ciri muzik yang didengar atau ditonton secara berpandu.	Membicarakan muzik yang didengar atau ditonton dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik.	Membicarakan muzik pilihan sendiri yang didengar atau ditonton dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik.	Membuat penilaian muzik pilihan sendiri yang didengar atau ditonton dan mengenal pasti identiti utama muzik tersebut.




## MODUL 4 : MEMBACA DAN MENULIS NOTASI MUZIK (10%)

Murid menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
4.1 Membaca dan menulis notasi muzik.	<p>4.1.1 Menulis symbol muzik.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- baluk </li> <li>- garis bar </li> <li>- klef trebel </li> <li>- garis penamat (double bar line) </li> </ul> <p>4.1.2 Menama dan menulis not G, A, B, C', D' pada baluk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semibrif</li> <li>- Minim</li> <li>- Krocet</li> <li>- Kuaver</li> </ul>	Mengenal notasi muzik.	Mengetahui dan memahami notasi muzik.	Mengetahui memahami dan menulis semula notasi muzik pada baluk.	Menulis notasi muzik pada baluk.	Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat.	Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat secara konsisten.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI																				
		TAHAP PENGUASAAN																				
		1	2	3	4	5	6															
	4.1.3 Menulis nilai not dan tanda rehat. <table border="1" data-bbox="421 544 831 1190"> <thead> <tr> <th>Jenis Not</th> <th>Nilai Not</th> <th>Tanda Rehat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>semibrif </td> <td>4</td> <td></td> </tr> <tr> <td>minim </td> <td>2</td> <td></td> </tr> <tr> <td>krocet </td> <td>1</td> <td> atau </td> </tr> <tr> <td>kuaver </td> <td>½</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Not	Nilai Not	Tanda Rehat	semibrif 	4		minim 	2		krocet 	1	 atau 	kuaver 	½							
Jenis Not	Nilai Not	Tanda Rehat																				
semibrif 	4																					
minim 	2																					
krocet 	1	 atau 																				
kuaver 	½																					



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
	<p>4.1.4 Menulis meter.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menulis angka atas dan angka bawah bagi meter</li> </ul> <p style="text-align: center;"> <b>2 4</b>  <b>4 4</b> </p> <p style="text-align: center;"><b>Jenis Not</b></p> <p>Semibrif → </p> <p>Minim → </p> <p>Krocet → </p> <p>Contoh:</p> <p><b>2</b> → bilangan not dalam 1 bar</p> <p><b>4</b> → jenis not</p> <p><b>4</b> → bilangan not dalam 1 bar</p> <p><b>4</b> → jenis not</p>						



# **GLOSARI**



## GLOSARI KURIKULUM PENDIDIKAN MUZIK SEKOLAH RENDAH TAHUN EMPAT

PERKATAAN	PENERANGAN															
<b>Alat Bertali</b> ( <i>String Instrument</i> )	Alat muzik yang menggunakan tali untuk menghasilkan bunyi. Contoh : gitar dan <i>violin</i>															
<b>Alat Tiupan</b> ( <i>Blowing Instrument</i> )	Alat muzik yang ditiup untuk untuk menghasilkan bunyi. Contoh: <i>clarinet, flute</i> dan <i>trumpet</i>															
<b>Dinamik</b> ( <i>Dynamic</i> )	Perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik. Antara istilah yang digunakan ialah : <table style="margin-left: auto; margin-right: auto; border: none;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Istilah</th> <th style="text-align: center;">Simbol</th> <th style="text-align: center;">Makna</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Piano</i></td> <td style="text-align: center;"><i>p</i></td> <td>Bunyi lembut</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Forte</i></td> <td style="text-align: center;"><i>f</i></td> <td>Bunyi kuat</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Mezzo Piano</i></td> <td style="text-align: center;"><i>mp</i></td> <td>Bunyi sederhana lembut</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><i>Mezzo Forte</i></td> <td style="text-align: center;"><i>mf</i></td> <td>Bunyi sederhana kuat</td> </tr> </tbody> </table>	Istilah	Simbol	Makna	<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut	<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat	<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut	<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat
Istilah	Simbol	Makna														
<i>Piano</i>	<i>p</i>	Bunyi lembut														
<i>Forte</i>	<i>f</i>	Bunyi kuat														
<i>Mezzo Piano</i>	<i>mp</i>	Bunyi sederhana lembut														
<i>Mezzo Forte</i>	<i>mf</i>	Bunyi sederhana kuat														
<b>Embouchure</b>	Teknik bibir atau mulut ketika memainkan alat tiupan.															



PERKATAAN	PENERANGAN
<b>Mud</b> ( <i>Mood</i> )	Ekspresi yang menunjukkan perasaan. Contoh: mud riang atau mud sedih.
<b>Muzik Asia</b> ( <i>Asian Music</i> )	Muzik yang berasal dari negara Asia seperti contoh di bawah: a. Ghazal dari Malaysia b. Gamelan Bali dari Indonesia.
<b>Muzik Instrumental</b> ( <i>Instrumental Music</i> )	Muzik yang dihasilkan untuk satu atau lebih alat muzik tanpa vokal. Muzik instrumental boleh dipersembahkan secara solo, duet, ensembel muzik, muzik kamar atau orkestra.
<b>Muzik Klasik Barat</b> ( <i>Western Classical Music</i> )	Muzik yang berasal dari negara Barat. Contoh: <i>Symphony No. 5</i> oleh <i>Beethoven</i> .
<b>Muzik Popular</b> ( <i>Popular Music</i> )	Muzik semasa yang dikenali ramai.
<b>Muzik Tradisional Malaysia</b> ( <i>Malaysian Traditional Music</i> )	Muzik yang beridentitikan masyarakat Melayu di Malaysia. Contoh: kompang, rebana ubi, wayang kulit, dan dikir barat.
<b>Muzik Vokal</b> ( <i>Vocal Music</i> )	Muzik yang mengandungi nyanyian.

PERKATAAN	PENERANGAN
<b>Perlidahan</b> ( <i>Tonguing</i> )	Teknik tiupan menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan ton bagi alat-alat tiupan.
<b>Perkusi</b> ( <i>Percussion</i> )	Alat muzik yang dipalu, ketuk atau goncang untuk menghasilkan bunyi. Contoh: kompang, kerincing, kastenet dan tamborin
<b>Pic</b> ( <i>Pitch</i> )	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.
<b>Postur</b> ( <i>Posture</i> )	Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa menyanyi atau bermain alat muzik.
<b>Repertoir Lagu</b> ( <i>Repertoire</i> )	Koleksi lagu.
<b>Solfa</b>	Sistem yang digunakan dalam nyanyian untuk mengenal pasti pic tertentu.
<b>Staccato</b>	Tersekat-sekat/terputus-putus.
<b>Tempo</b> ( <i>Tempo</i> )	Kelajuan sesuatu karya muzik. Contoh: Tempo cepat atau lambat.





Terbitan:



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 4-8, Blok E9

Kompleks Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Tel: 03 8884 2000 Faks: 03 8888 9917

<http://www.moe.gov.my/bpk>